

Arahan audit keselamatan syarikat penerbangan

PUTRAJAYA : Kementerian Pengangkutan mengarahkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) melakukan audit keselamatan terhadap syarikat penerbangan yang beroperasi di negara ini. Menterinya, Anthony Loke, berkata audit dari semasa ke semasa itu penting bagi memastikan syarikat penerbangan menitikberatkan aspek keselamatan dan mematuhi segala piawaian yang ditetapkan. Katanya, CAAM juga akan memastikan setiap syarikat penerbangan di negara ini mengambil langkah berjaga-jaga terutama membabitkan apa-apa isu teknikal dihadapi pesawat masing-masing.

Mesti Patuhi Piawaian

“Semua syarikat penerbangan mesti mempunyai piawaian yang perlu dipatuhi pada setiap masa dan ia bukan hanya terpakai selepas berlaku insiden seperti ini (nahas pesawat Lion Air),” katanya. Beliau bercakap pada sidang media selepas menghadiri Majlis Bersama Majlis Perkapalan dan Pelabuhan Kebangsaan (NSPC) Yang Pertama di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam. Loke mengulas nahas pesawat Lion Air penerbangan JT610 yang terhempas di perairan Pulau Jawa, Isnin lalu yang mengorbankan 189 penumpang dan anak kapal.

Beliau berkata, industri penerbangan sangat sensitive terhadap piawaian keselamatan , justeru pihaknya sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang paling besar terhadap aspek keselamatan syarikat penerbangan di negara ini. Katanya, beliau tidak mahu menuding jari kepada mana-mana syarikat penerbangan tetapi untuk adil kepada semua, mana-mana syarikat penerbangan yang beroperasi di Malaysia perlu memastikan tahap keselamatan berada pada tahap terbaik.

Ambil iktibar, Pengajaran

Loke berkata , Kementeriannya mahu semua pihak khususnya industri penerbangan negara mengambil iktibar dan pengajaran daripada tragedi Lion Air.”Kami mahu semua pihak mengambil langkah khusus untuk memastikan insiden seperti itu tidak berulang. Kita juga akan memantau segala hasil siasatan nahas itu. Setakat ini, kita tidak tahu hasil siasatan nahas itu,”katanya. Mengenai larangan Lion Air terbang di ruang udara Erobah berikutan rekod keselamatan yang buruk, Loke berkata, beliau dimaklumkan syarikat penerbangan itu pernah dilarang terbang di Erobah tetapi mereka sudah mendapat kebenaran mengenainya.

“Kita tidak boleh buat kesimpulan (Larangan untuk Lion Air terbang di ruang udara Malaysia) seperti itu. Bagaimanapun, CAAM akan sentiasa memantau setiap syarikat penerbangan yang beroperasi di negara ini,”katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 6 | 1 NOVEMBER 2018